

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 2 MEI 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5.	PAS CADANG PINDA AKTA PERIKANAN 1985, NASIONAL, HAKAKAH -N19 24 NELAYAN ASING MASUK PERAIRAN KITA, TRAGEDI, BH -17 24 NELAYAN VIETNAM DITAHAN CURI HASIL LAUT, SETEMPAT, SH -36 KESELAMATAN NELAYAN, PEKERJA PELANTAR MINYAK TERANCAH, ISU, BH -14 DAH SAMPAI JOHOR, SETEMPAT, HM -8	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	BANTAH PINDAAN TIDAK SELARI DENGAN PENUBUHAN PERTUBUHAN PELADANG, NEWS, SH (SELATAN) -22	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
7.	SENARAI 3 NAMA LEMBAGA PENGARAH KADA, NEGERI, HAKAKAH -N12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
8.	BROKER 'PADI HANTU' DIBURU, RENCANA, UM -18	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# PAS cadang pinda Akta Perikanan 1985

## Himpunan Aman Bantah Pencerobohan Nelayan Asing

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

**KUALA TERENGGANU:** PAS mensyorkan agar Akta Perikanan 1985, yang sedia ada itu dapat dipinda bagi menyelamatkan hasil laut dari 'dicuri', akibat 'kerakusan' nelayan asing yang menceroboh perairan negara ini.

Ahli Parlimen Kuala Terengganu, **Ahmad Amzad Hashim** berkata, perkara itu wajar disegerakan bagi menyelamatkan hasil serta membela kaum nelayan.

Menurutnya, kadar hukuman sedia ada itu terlalu ringan dan tidak mendatangkan rasa gerun kepada mereka untuk terus mengulangi kesalahan menceroboh.

"Kita rasa, perundangan yang mencakupi akta sedia ada berkenaan perikanan negara perlu dipinda, bagi memperkenalkan undang-undang yang lebih berat kepada penceroboh yang melanggar undang-undang negara.

"Sekiranya tidak diambil serius, hasil laut negara akan musnah dan tiada apa yang tinggal kepada generasi akan datang," tegasnya.

Beliau berkata demikian



**Perkara itu wajar disegerakan bagi menyelamatkan hasil serta membela kaum nelayan.**

ketika hadir dan menerima memorandum pada Himpunan Aman Nelayan Bantah Pencerobohan Nelayan Asing, di Kuala Terengganu, baru-baru ini.

Himpunan itu melibatkan warga nelayan yang mewakili negeri Terengganu, Pahang dan Kelantan, bagi menyatakan bantahan terhadap pencerobohan nelayan asing di perairan negara ini.

Selain itu, kata Ahmad Amzad, kerajaan Pusat perlu meneliti dengan baik keupayaan agensi-agensi penguat kuasa negeri yang menjalankan tugasnya.

Menurutnya, peruntukan yang lebih perlu diberikan kepada agensi-agensi terbabit yang benar-benar memerlu-

"Saya dapati di Kuala Terengganu ini ada sebanyak 13 aset laut secara keseluruhan ditempatkan iaitu lima kapal dan lapan bot.

"Tetapi malangnya yang boleh beroperasi hanya sebuah kapal dan dua buah bot sahaja, kerana yang lain terlibat dalam proses baik pulih," jelasnya.

Katanya, isu pencerobohan nelayan asing terutama dari negara Vietnam hangat diperkatakan oleh komuniti nelayan di pantai timur semenanjung terutama di Terengganu.

Tinjauan *Harakah* mendapati, warga nelayan menaikkan kain sepanduk dengan pelbagai tulisan rasa hati bagi menggambarkan penderitaan mereka terhadap pencerobohan nelayan asing.



**Sebuah bot mempamerkan sepanduk, 'Hapuskan Lesen Ali baba', 'Tolong Bela Nasib Nelayan', 'Jahanam Habis hasil Laut Kerana Nelayan Vietnam', 'Kami Harap Kerajaan Ambil Tindakan'.**

# 24 nelayan asing masuk perairan kita

**Kota Tinggi:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan 24 nelayan asing dipercayai sedang mencuri sumber perikanan negara secara haram di perairan Pulau Aur, kira-kira jam 12.30 tengah hari kelmarin.

Pengarahnya, Kapten Maritim Mohd Zufadli Nayan, berkata semua warga Vietnam melakukan penangkapan ikan secara haram menggunakan dua bot di kedudukan kira-kira 19 batu nautika tenggara perairan Pulau Aur, di sini.

Katanya, semua individu, termasuk dua tekong berusia 15 hingga 56 tahun itu ditahan selepas pemeriksaan mendapati mereka melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985.

“Sebuah kapal peronda Maritim Malaysia didatangkan khas dari Johor Barat mengesan dua Bot Penangkapan Ikan Asing yang mempamerkan Carving Marking (Tanda Nama) Vietnam.

“Hasil pemeriksaan, tekong kedua-dua bot gagal mengemukakan apa-apa lesen bot dan ada sebilangan kru gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah.

“Rampasan dianggarkan bernilai kira-kira RM6.4 juta termasuk kedua-dua bot, peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan laut dan bahan bakar,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2019	SINAR HARIAN	SETEMPAT	36

## 24 nelayan Vietnam ditahan curi hasil laut.

**JOHOR BAHRU** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Tanjung Sedili (ZMTS) menahan 24 nelayan asing termasuk dua tekong dipercayai warga Vietnam di kedudukan kira-kira 19 batu nautika Tenggara perairan Pulau Aur kelmarin.

Pengarah ZMTS, Kepten APMM Mohd Zulfadli Nayan berkata, kesemua individu berusia 15 hingga 56 tahun itu ditahan ketika sedang mencuri sumber perikanan negara dengan melakukan aktiviti penangkapan ikan secara haram menggunakan dua bot kira-kira jam 12.30 tengah hari.

"Sebuah kapal peronda APMM yang didatangkan khas dari Johor Barat telah

mengesan dua bot asing dari Vietnam.

"Kapal peronda APMM telah menahan kedua-dua bot tersebut dan selepas pemeriksaan mendapati mereka telah melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd Zulfadli berkata, semasa pemeriksaan, tekong kedua-dua bot gagal mengemukakan sebarang lesen bot dan terdapat sebilangan kru gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Rampasan dianggarkan bernilai RM6.4 juta termasuk kedua-dua bot, peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan laut dan bahan bakar," katanya.



**Dua bot yang ditahan APMM kerana mencuri sumber perikanan negara dengan melakukan aktiviti tangkapan ikan secara haram.**

# Keselamatan nelayan, pekerja pelantar minyak terancam

➔ Aset kawal perairan perlu tingkat usaha tangani isu penceroboh dari Vietnam

diakwa terancam berikutan pencerobahan secara berleluasa nelayan Vietnam sejak tahun lalu.

Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Ahmad Amzad Hashim, berkata walaupun tangkapan sering dilakukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), masalah itu masih berterusan.

Malah, katanya, jika satu bot nelayan Vietnam ditahan, akan muncul berpuluh lagi bot nelayan dari negara itu menceroboh perairan negara terutama di kawasan pelantar minyak untuk mengaut hasil laut negara.

Justeru, beliau meminta Kerajaan Persekutuan menggerakkan aset untuk mengawal perairan negara lebih agresif kerana ada laporan menyatakan pekerja di pelantar minyak bimbang keselamatan mereka terancam berikutan

dengan kehadiran bot nelayan asing itu.

## Bimbang isu pencerobahan

"Kita bimbang, jika isu pencerobahan nelayan Vietnam ini tidak ditangani, keselamatan nelayan laut dalam dan pekerja di pelantar minyak terancam berikutan ada dakwaan mengatakan mereka turut membawa senjata ketika menangkap ikan di perairan negeri ini.

"Bagi menangani isu pencerobahan ini, Kerajaan Persekutuan terutama Kementerian Luar Negeri diminta mengemukakan bantahan diplomatik kepada Kesatuan Eropah (EU) dengan segera," katanya ketika dihubungi, semalam.

Ahmad Amzad berkata, surat bantahan diplomatik itu bagi membolehkan EU mengeluarkan

kad merah iaitu larangan kepada negara Eropah supaya tidak mengeksport produk hasil laut dikeluarkan Vietnam.

"Saya difahamkan, tahun lalu EU sudah mengeluarkan 'kad kuning' kepada Vietnam sebagai amaran berikutan tindakan nelayan negara itu menceroboh perairan negeri ini dan negara," katanya.

Berdasarkan statistik Maritim Malaysia, lebih 533 bot nelayan Vietnam menceroboh perairan negeri ini dan 32 daripadanya dikenakan tindakan mengikut Akta Perikanan 1985 dengan anggaran nilai rampasan berjumlah RM32 juta.

Ahmad Amzad juga meminta kerajaan memandang serius isu pencerobahan itu bagi mengelakkan negara kehilangan hasil laut berjumlah RM6 bilion setahun.



Jika satu bot nelayan Vietnam ditahan, akan muncul berpuluh lagi bot nelayan dari negara itu menceroboh perairan negara terutama di kawasan pelantar minyak untuk mengaut hasil laut negara"

**Ahmad Amzad Hashim,**  
Ahli Parlimen  
Kuala Terengganu

**Oleh Baharom Bakar**  
bhnews@bh.com.my

• Kuala Terengganu

**K**eselamatan nelayan laut dalam serta lebih 10,000 pekerja di 53 pelantar minyak utama di perairan negeri ini, di-





DUA bot nelayan Vietnam bersama 24 tekong dan awak-awak yang diberkas APMM di simpang Perairan Pulau Aur.

## Dah sampai Johor

■ 24 nelayan warga Vietnam tangkap ikan secara haram diberkas

Nurul Amanina Suhahri  
am@hmetro.com.my

### Kota Tinggi

**C**uba melarikan diri namun tidak cukup laju untuk menandingi kapal Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Itu tindakan dua bot nelayan Vietnam yang ditahan APMM Zon Maritim Tanjung Sedili (ZMTS) selepas didapati mencerooboh dan menangkap ikan secara haram di perairan Pulau Aur di sini, kira-kira jam 12.30 tengah hari semalam.

Pengarah APMM, Kepten Maritim Mohd Zulfadli Nayan berkata, seramai 24 nelayan warga Vietnam itu dikesan menangkap ikan secara haram menggunakan dua bot.

"Sebuah kapal peronda Maritim Malaysia yang belayar dari Johor Barat berjaya mengesan dan mengejar dua bot nelayan asing itu yang mempamerkan tanda nama Vietnam."

"Hasil pemeriksaan, tekong kedua-dua bot itu gagal mengemukakan apa-apa lesen bot dan terdapat sebilangan kru gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Rampasan dianggarkan bernilai kira-kira RM6.4 juta termasuk kedua-dua bot, peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan laut dan bahan bakar," katanya.

Menurutnya, semua individu termasuk dua tekong berusia 15 hingga 56 tahun ditahan selepas pemeriksaan mendapati mereka melakukan kesalahan mengikut

## 'Mereka ada senarai aset maritim'

**Kuala Terengganu:** Nelayan Vietnam yang mencerooboh perairan negeri ini bukan saja merompak hasil laut malah didapati memiliki senarai aset maritim yang menjalankan penguatkuasaan di laut.

Difahamkan, tindakan golongan nelayan dilabelkan sebagai 'penjenayah' itu dipercayai bagi memudahkan melarikan diri apabila kapal peronda maritim berada di sekitar kawasan penceroobohan mereka.

Selain memiliki senarai nama kapal maritim, nelayan terbabit dikatakan licik apabila menjalankan aktiviti mencuri hasil laut di perairan berhampiran sempadan antarabangsa bagi memudahkan mereka memboloskan diri, sekali gus mengelak ditahan.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, senarai nama aset maritim itu disalin dalam satu buku catatan yang dirampas daripada sebuah bot ditahan jumaat lalu.

"Tekong bot itu turut dikesan menggunakan nombor pendaftaran bot tempatan," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau berkata, dengan merekodkan senarai aset maritim, ia jelas menunjukkan kumpulan nelayan terbabit sentiasa mengawasi setiap pergerakan kapal peronda APMM ketika berada di laut.



ANTARA bot nelayan Vietnam yang ditahan di Jeti APMM Kuala Terengganu.

Katanya, pihaknya kini masih menjalankan siasatan sama ada senarai aset maritim itu direkodkan sendiri oleh kumpulan nelayan terbabit atau ada pihak lain yang membantu menyediakannya.

Muhammad Suffi berkata, walaupun pelbagai helah dan taktik dilakukan 'lanun' terbabit, APMM tidak pernah berputus asa malah akan bertindak lebih agresif dalam melakukan penguatkuasaan.

Muhammad Suffi berkata, dalam operasi selama dua hari bermula Khamis lalu, seramai 63 nelayan terdiri daripada tekong dan awak-awak berusia antara 15 hingga 59 tahun ditahan kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri sah.

Akta Perikanan 1985.

Mohd Zulfadli berkata, kes disiasat mengikut Akta Perikanan

1985 kerana mencerooboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran sah dari Pengarah Perikanan Malaysia.

Katanya, sabit kesalahan, tekong boleh didenda RM 1

juta manakala awak-awak boleh didenda RM 100,000 setiap seorang atau penjara tidak melebihi

dua tahun atau keduanya, selain kedua-dua bot serta peralatannya boleh dilucut hak.

"Maritim Malaysia sentiasa serius dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terbabit dengan Penceroob-

han Vesel Penangkapan Ikan Asing bagi mengaut hasil laut dalam perairan negara.

"Maritim Johor khususnya ZMTS akan menggandakan usaha untuk mencegah berlakunya kejadian rompak di laut serta sedaya upaya mengekang penceroobohan Vesel Penangkapan Ikan Asing khususnya daripada Vietnam di Perairan Johor Timur hingga menghantui komuniti maritim setempat," katanya.



Headline	Bantah pindaan tidak selari dengan penubuhan pertubuhan peladang		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	02 May 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	20,000
Page No	22	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	152 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 876
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,627



## Bantah pindaan tidak selari dengan penubuhan pertubuhan peladang

**PONTIAN** - Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Johor membantah Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 yang didakwa tidak selari dengan tujuan organisasi tersebut.

Pengerusi Jemaah Pengarahnya, Datuk Ali Shikh Ahmad berkata, bilangan Ahli Jemaah Pengarah (AJP) perlu dikekalkan di semua peringkat sama ada di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), PPNJ dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

Katanya, mereka yang dipilih merupakan pemimpin yang diketahui kebolehan dan sumbangan kepada golongan petani, peladang dan nelayan yang seharusnya diberikan keutamaan bukan pihak luar.

Menurut Ali, bantahan ini turut disokong kira-kira 100,000 ahli peladang di negeri ini supaya perjalanan organisasi di setiap peringkat diurus oleh mereka yang memahami denyut nadi petani.

"Kami harap Pertubuhan Peladang terus menjadi me-

dan memupuk perpaduan antara kaum dan agama serta tidak membenarkan campurtangan yang boleh mengganggu-gugat organisasi tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan memorandum bantahan kepada Timbalan Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Johor, Samsudin Selamat di sini baru-baru ini.

Pindaan berkenaan adalah membenarkan pertambahan bilangan jawatan AJP yang boleh dilantik Menteri, Datuk Salahuddin Ayub pada peringkat PPK, PPN dan Nafas.

Tambah Ali, pindaan tersebut seharusnya dibincang terlebih dahulu serta mendapat pandangan dari semua pihak.

Beliau berharap Kementerian Pertanian dan Industri Tani dapat terus memperkasakan sektor pertanian serta mencari peluang bagi menambah pendapatan golongan tersebut pada masa depan.

# Senarai 3 nama Lembaga Pengarah Kada



Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail bersama peserta kursus asas penternakan ikan hiasan.

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

**PASIR PUTEH:** Sejak 1990 sehingga sekarang tiada wakil kerajaan negeri dilantik dalam lembaga pengarah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada).

Sebelum ini ahli lembaga agensi itu dilantik dalam kalangan pemimpin Umno dan pegawai kerajaan persekutuan.

Bagaimanapun baru-baru ini Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Salahudin Ayub membayangkan untuk melantik seorang wakil negeri sebagai ahli lembaga pengarah Kada selaras Akta Kada 1975.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kerajaan negeri me-

nyenaraikan tiga nama bagi memenuhi pelantikan ahli lembaga pengarah Kada selaras Akta Kada 1972.

Katanya keputusan itu dibuat pada mesyuarat Exco minggu lepas.

Kata beliau tiga nama yang dicadangkan iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Nazran Muhammad, anggota Exco Mejar (B) Dato' Md Anizam Abd Rahman dan beliau sendiri selaku Exco Pertanian.

"Bagaimanapun setakat

ini kerajaan negeri belum lagi menerima surat tawaran pelantikan daripada pihak terbabit.

"Tetapi kita buat keputusan dalam majlis mesyuarat Exco minggu lalu untuk menghantar tiga nama kepada kementerian," katanya ketika ditemui di sini Selasa lepas.

Tuan Mohd Saripudin berkata, wakil yang dipilih kerajaan negeri bagi memenuhi terma Akta Kada.



Kada mengurus kawasan padi seluas 29,450 hektar di Kelantan.



## Broker 'padi hantu' diburu

### MUKADIMAH

BERIKUTAN laporan muka depan *Mingguan Malaysia* terbitan 28 April 2019 bertajuk 'Selamatkan Padi Negara' dan laporan-laporan susulan selepas itu yang disiarkan di *Utusan Malaysia*, Unit Komunikasi Korporat Jabatan Pertanian Malaysia memberikan maklum balas berikut berkaitan isu-isu yang dibangkitkan.

Antaranya isu-isu penjualan benih padi tidak sah, kegiatan broker yang menjadi dalang mengaut keuntungan dengan menjual benih padi tak sah serta punca penyakit *Bacterial Panicle Blight* (BPB).

PESAWAH disaran belajar daripada kesilapan yang lalu dengan memastikan benih padi hanya dibeli dengan pembekal yang sah sahaja: - UTUSAN

### PEJUALAN BENIH PADI SAH

Benih padi sah adalah progeni daripada penanaman biji benih padi asas daftar yang dikawal pengeluarannya mengikut prosedur di bawah Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP) Jabatan Pertanian Malaysia bagi memastikan ketulenan genetik dan diperakui menepati piawatan dalam Standard Jabatan Pertanian Malaysia (SJPM).

SPBP merupakan satu sistem perakuan kualiti bagi mengeluarkan dan membekal benih padi sah untuk tujuan penanaman mengikut syarat dan piawatan yang ditetapkan. Di bawah skim ini, hanya pengeluar yang dilantik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani layak memohon untuk mendapatkan perkhidmatan skim ini. Varieti-varieti yang dikeluarkan adalah daripada varieti yang ditetapkan oleh kerajaan.

Sasaran pengeluaran benih padi sah setahun yang telah ditetapkan oleh kerajaan adalah sebanyak 72,000 metrik tan setahun bagi memenuhi keperluan penanaman kawasan padi seluas 284,000 hektar. Kuota pengeluaran benih padi sah bagi tahun 2017-2019 telah diagihkan kepada sembilan syarikat pengeluar benih padi sah iaitu Padi Pukul Parit 7 (Sekincan) Sdn. Bhd., Haji Md. Nor Bin Haji Abd. Rahman (M) Sdn. Bhd., Felcra Plantation Services Sdn. Bhd., PPK Lahar Bubu, Pertama Padi Sdn. Bhd., KB Seri Merbok Sdn. Bhd., Syarikat Perniagaan Peladang MADA Sdn. Bhd., PPK Puteri Saadong, dan KB Jelapang Selatan (M)

### “

Harga jualan yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi benih padi sah di pintu kilang adalah RM28 sebeg. Sehubungan dengan itu petani digalakkan membeli terus benih padi di pintu kilang untuk menjamin kualiti benih tersebut.”

Sdn. Bhd., Pencapaian pengeluaran benih padi sah pada tahun 2018 adalah sebanyak 75,260 metrik tan iaitu 104% daripada sasaran pengeluaran.

### BROKER DALANG KAUT KEUNTUNGAN

Pesawah di seluruh negara disaran mendapatkan bukti pembelian daripada mana-mana pembekal benih padi bagi tujuan mengesan, sekali gus membanteras ejen dan orang tengah yang menawarkan benih tidak sah. Pesawah disaran belajar dari kesilapan yang lalu dengan memastikan benih padi hanya dibeli dengan pembekal yang sah sahaja. Ini kerana jika berlaku sebarang masalah seperti padi tidak menjadi, serangan penyakit dan sebagainya, pihak Jabatan akan memastikan pembekal menggantikan benih berkenaan.

Sebagai agensi pengesahan bagi Skim Pengesahan Benih Padi, Jabatan Pertanian sentiasa memastikan bahawa pengeluaran benih adalah berkualiti. Pembekal/individu yang terlibat dalam membekalkan beg putih ini kebiasaannya tidak

memikirkan risiko dan kemungkinan yang bakal berlaku kepada industri benih negara dan penularan penyakit padi.

Kerja-karya pengesahan yang dilakukan oleh Jabatan Pertanian hanya melibatkan sembilan syarikat pengeluar yang telah dilantik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam membekalkan benih padi sah kepada petani. Pengeluaran-pengeluaran ini dipantau dari semasa ke semasa dan mereka wajib memenuhi piawai Malaysia Standard MS 469:2012 Rice (Oryza sativa L.) Inbred Seed Planting Materials-Specification dan Standard Jabatan Pertanian Malaysia (SJPM-2009).

Jabatan Pertanian akan membuat pengesahan bermula daripada Permohonan Pengesahan Ladang Benih sehinggalah ke Perakuan Pengesahan Kualiti Benih Padi. Harga jualan yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi benih padi sah di pintu kilang adalah RM28 sebeg. Sehubungan dengan itu petani adalah digalakkan untuk membeli terus benih padi di pintu kilang untuk menjamin kualiti benih tersebut daripada membeli terus daripada agen/broker/orang tengah yang hanya memikirkan keuntungan semata-mata.

### ADUAN GUNI 'PUTIH' PUNCA BPB

Punca utama serangan penyakit BPB di Malaysia adalah melalui penggunaan benih padi yang telah dijangkiti BPB. Jangkitan penyakit bermula pada peringkat berbunga. Pokok padi lebih peka pada

### “

Pendedahan yang dibuat oleh pihak *Utusan Malaysia* adalah satu langkah yang baik bagi membantu pihak Jabatan Pertanian mengenal pasti broker atau orang tengah yang bertanggungjawab mengaut keuntungan dalam permasalahan ini.

Jangkitan BPB pada 4 hingga 5 hari selepas terbit tangkai (60-70 hari lepas tabur).

Bagi Musim 1/2019 di Sawah Sempadan, selain serangan penyakit BPB, adalah didapati kehadiran perosak lain seperti ulat pengorek batang, bena perang dan padi angin juga turut mempengaruhi pengeluaran hasil padi. Melalui pemerhatian yang dijalankan oleh pasukan survey, serangan ulat pengorek batang pada musim 1/2019 adalah yang paling tinggi dan berkemungkinan akan menjejaskan pengeluaran hasil padi di Sawah Sempadan.

### PANDUAN PENGGUNAAN BENIH PADI SAH

#### MEMBELI BENIH

- Semak label benih
- Beli benih daripada pengeluar yang sah
- Dapatkan resit pembelian
- Pastikan tarikh label benih tidak melebihi 3 bulan dari tarikh bungkus

#### MERENDAM BENIH

- Simpan label benih
- Gunakan air yang bersih

- Pastikan benih bercambah dengan baik sebelum menabur
- Jika tidak, laporkan kepada Jabatan Pertanian dengan segera
- Simpan benih sebagai bukti

#### MENABUR BENIH

- Pastikan siput gondang emas dikawal terlebih dahulu
- Pastikan keadaan sawah rata dan keadaan air 'cap-cap'
- Jika tabur dalam air, pastikan air tidak kotor dan berkeladak
- Pastikan benih ditabur dengan sekata

#### Kesimpulannya

pendedahan yang dibuat oleh pihak *Utusan Malaysia* adalah satu langkah yang baik bagi membantu pihak Jabatan Pertanian mengenal pasti broker atau orang tengah yang bertanggungjawab mengaut keuntungan dalam permasalahan ini.

Secara tidak langsung, membantu pesawah padi mengatasi dari terus diperdaya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ini. Pesawah juga disaran bekerjasama dengan pihak Jabatan dengan mendapatkan bukti pembelian benih padi bagi memudahkan tindakan undang-undang diambil. Bantuan dan kerjasama pesawah amat penting bagi memastikan perkara ini dapat diatasi dengan baik.

Ini sekali gus dapat menjamin kestabilan industri padi negara bahkan melindungi pesawah daripada terus menanggung kerugian akibat ketamakan segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab.

